

BAB I

BAB I

PENDAHULUAN

I. Latar Belakang Masalah

Sumber teratas dalam menagih sesuatu ilmu itu adalah melalui pendidikan yang diistilahkan kepelbagaian maknanya dalam ayat pertama yang diwahyukan Allah untuk PesuruhNya, Nabi Muhammad S.A. W;

أَفْرَأُ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَفْرَأُ وَرَبُّكَ
الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Surah al-'Alaq (96):1-5

*Terjemahan: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan menyebut nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah; bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahu"*¹

(Terjemahan Surah al-'Alaq (96):1-5)

Kemuliaan dan kewajiban mencari ilmu jelas terbukti melalui penegasan Allah terhadap seluruh umatNya. Di sini jelas menunjukkan bahawa asas dalam kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat hendaklah berpandukan dengan ilmu. Seajar dengan martabat manusia itu sendiri yang dikurniakan akal fikiran bagi

¹ Sheikh Abdullah Basmeih (1995). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri, h. 1704

membezakan antara yang baik dan yang buruk, mendalami setiap pengajaran dan ilmu Allah di muka bumi ini dan seterusnya mentadbir alam ini berpandukan kepada akal fikiran yang waras dilandaskan dengan syari'at.

Dikaji dari segi Islam, kepentingan ilmu tidak dapat disangkal lagi. Kelebihan yang diberi Allah terhadap ciptaanNya pada alam ini merupakan aset terpenting dalam mendapat sesuatu ilmu. Penggunaan akal merupakan salah satu cara yang paling unggul dalam mengenal pasti dan memperolchi ilmu Allah s.w.t. Tegas Allah dalam ayatNya;

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ
وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ
اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ
فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ
بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Surah Al-Baqarah(2):164

“ Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi silih berganti malam dan siang, bahtera yang belayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupan bumi sesudah mati (kering) dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi sesungguhnya terdapat tanda-tanda kebesaran Allah bagi kaum yang memikir.”²

(Terjemahan Surah Al-Baqarah(2):164)

² Ibid, h.62

Tuntutan Allah dalam mencari ilmu bukan hanya sia-sia malah diberi ganjaran serta pahala yang banyak bahkan ia merupakan ibadah kepada Allah.

Beraskan ilmu ini tadi, lahir pendidikan yang mana ilmu itu dicernakan dan diolah dalam satu sistem tertentu agar ia dimanfaatkan. Pendidikan merupakan salah satu cabang ilmu dengan berfungsi menyusun struktur ketamadunan sesebuah masyarakat.

Bertitik tolak daripada sinilah, penulis merasakan peripentingnya kewujudan institusi-institusi pendidikan dalam berperanan melahirkan para pendidik sejajar dalam usaha mengembangkan ilmu-ilmu Islam.

Namun begitu, ulama dan cendekiawan agama telah wujud sejak dahulu lagi, walaupun boleh dikatakan sistem pendidikan yang bersistematik belum terdedah lagi. Contohnya Tuan Guru Haji Abdul Malik bin Muhammad (Tuk Pulau Manis) di Terengganu,³ Syed Muhammad bin Zainal Abidin (Tuk Ku Besar),⁴

³ Tuan Guru Abdul Malik bin Muhammad atau lebih dikenali sebagai Tuk Pulau Manis lahir di Terengganu pada 1678M dan meninggal dunia pada 1736M. Beliau merupakan tokoh agama yang terkenal telah menterjemahkan kitab *Hikam Ibn 'Atai Llah Al Sakandari*. Kitab terjemahan beliau tersebar luas di seluruh tanah air dan dicetak berulang kali. Beliau pernah belajar di Aceh dan sekembali beliau ke tanah air, beliau mendirikan institusi pondok di Pulau Manis yang merupakan institusi pondok yang terbesar dan tertua di Terengganu. Lihat, Dato' Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang (MISBAHA), Mohd. Yusof Abdullah (1983), *PE.SAKA*, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Terengganu, h. 87.

Untuk nota kaki seterusnya, bagi nama pengarang Dato' Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang, penulis akan menggunakan nama sinmgkatan terkenal beliau iaitu MISBAHA.

⁴ Syekh Muhammad bin Zainal Abidin atau Tuk Ku Besar (1795M-1878M) merupakan Bapa Kesusasteraan Melayu Terengganu. Beliau digelar sedemikian kerana beliau telah menulis dan menyusun sebanyak 16 buah karya antara yang terkenal ialah *Kanz al-'ula*, *Jauhar al-Thāniah*,

Tuan Guru Haji Abdul Malik bin Isa, Haji Abas,⁵ dan beberapa lagi tokoh ulama terkenal.

Dalam disertasi ini, penulis mengkaji peranan institusi-institusi pendidikan Islam dalam melahirkan para pendidik, kajian di daerah Besut sekitar tahun 1872-1937.

1.1 Daerah Besut

Dari segi pensejarahan, Besut pada asalnya diduduki oleh orang Pangan⁶ dan Besut bertukar wajah apabila terbukanya Kampung Palembang⁷ kira-kira 200 tahun dahulu oleh Encik Latif. Beliau dipercayai berasal dari kalangan masyarakat melayu. Nama Besut diambil bersempena dengan nama ketua orang Pangan yang bernama 'Besut'⁸ dengan menukar kawasannya dengan segantang mata kail.⁹

'Uqdu Durrataini Fi Tarjamati Kalimain Al-Syahadatāin (lebih dikenali dengan Syahadat Tok Ku), *Tuhfah al-Wildān* dan *Mukhtasar*. Sila lihat, MISBAHA (1983), *Ibid.* h.87-88.

⁵ Beliau merupakan cicit kepada Tuk Ku Pulau Manis yang menjadi pendokong institusi peninggalan moyangnya Tuan Guru Haji Abdul Malik bin Muhammad di Sungai Rengas. Berpendidikan awal di institusi Sheikh Abdul Malik (Tuk Pulau Manis) yang bertempat di Beladau, Terengganu kemudian menyambung pelajarannya ke Mekah pada awal suku kedua abad ke 19M. Sila lihat, Shafie bin Abu Bakar (1984), "Shaykh Abdul Malik bin Abdullah dan Karangan-karangannya," *PESAKA II*, Kuala Terengganu: Lembaga Muzium Terengganu, h. 70

⁶ Pangan ialah nama suku kaum orang Asli.

⁷ Terdapat dua pendapat mengenai kawasan Kampung Palembang. Pertama ia meliputi Kampung Raja, Kampung Lampu, Kampung Pinang, Kampung Lama dan Kuala Besut. Pendapat kedua pula mengatakan Kampung Palembang ialah Kampung Raja.

⁸ Ada pendapat mengatakan Tok Sut atau Pak Besut dari golongan kaum Sakai.

⁹ Asal usul serta latar belakang Encik Latif tidak dapat dikesan dengan terperinci. Kebanyakan rujukan yang penulis perolehi hanya menyatakan Encik Latif yang berketurunan Melayu sahaja.

Pembukaan Kampung Palembang¹⁰ ini merupakan titik tolak peluasan kawasan sehingga menjadi sebuah daerah dipanggil Besut. Berikutan permindahan kuasa dan kawasan kepada Encik Latif, kaum Pangan ramai berpindah ke Ulu Besut.¹¹

Kecekapan Encik Latif menjadi 'Raja'¹² di Besut menjadikan Kampung Palembang sebagai sebuah pelabuhan tempat persinggahan perahu dagang besar.¹³ Antara barang dagangan yang turut diperdagangkan ialah beras, rotan, damar, buluh, kayu gaharu, getah dan pinang yang kebanyakannya datangnya dari Ulu Besut. Manakala hasil laut seperti ikan kering, udang kering, belacan dan kelapa dibekalkan oleh penduduk di persisiran pantai.¹⁴ Kepesatan dan keamanan ini diancam oleh lanun-lanun yang bermaharajalela di muara Kuala Besut. Bagi memastikan keamanan kampung dan saudagar yang berdagang di Kampung Palembang, Encik Latif setelah berbincang dengan ahli keluarganya telah

¹⁰ Tentang nama Palembang, ada dua pendapat. Pertama bahawa Encik Latif berasal dari Palembang, Pattani, maka dinamakan Palembang. Kedua, berkemungkinan ramai orang Palembang tinggal di kawasan tersebut.

¹¹ Maklumat ini diambil dari hasil tulisan Ahmad Said di dalam buku, "Malaysia dari Segi Sejarah, Persatuan Sejarah Malaysia", *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, Bil. 12, 1983 h. 34. Mengikut keterangan Ahmad Said, beliau mendapat maklumat ini dari Ayah Su Cik Husin Penghulu Kampung Seberang Kastam. Penulis cuba menjejaki informen tersebut, tetapi diberitahu bahawa informen tersebut telah meninggal dunia kira-kira sebelas tahun dahulu. Penulis sempat menemui anaknya, Mariam binti Husin yang masih tinggal di Kampung Seberang Kastam, tetapi tiada apa maklumat yang dapat diambil dari beliau mengenai sejarah Besut.

¹² Encik Latif dianggap sebagai Raja dan dipanggilnya Raja mengenangkan beliaulah yang bertangjawab membuka Kampung Palembang dan memajukan kampung tersebut seterusnya beliau amat dihormati oleh masyarakat setempat.

¹³ Mengikut keterangan Ahmad Said juga, ramai di kalangan masyarakat Kampung Palembang menjadi kaya hasil kegiatan perdagangan mereka. Dengan perahu yang besar (yang dibeli dari Kuala Terengganu dengan harga antara RM500-RM800) mereka berupaya berulang alik dari Singapura dan Pattani di Selatan Siam.

¹⁴ Sharina Zawawi Haji Abd. Rahman (1977), *Sejarah Besut*. Stensilan. Jerneh, Pusat Pendidikan KAMI, h 5-6.

menawarkan Kampung Palembang kepada Sultan Terengganu, Sultan Zainal Abidin I (1726M-1733M). Bermula dari sinilah, Besut dibawah jagaan pemerintahan Sultan Terengganu.

Bertanggungjawab ke atas jajahan takluknya, Sultan Mansur I (Marhum Berjanggut) 1733-1799M, telah menghantar angkatan tenteranya ke Besut diketuai oleh anaknya Tengku Kadir bagi memerangi lanun pada tahun 1815 dan dengan ini Kampung Palembang dengan rasminya menjadi jajahan Terengganu. Kejayaan memerangi lanun ini, maka Sultan menganugerahkan Besut sebagai kawasan pemerintahan dan mengisytiharkan Tengku Kadir sebagai sultan di sana, manakala putera Encik Latif iaitu Encik Kamat¹⁵ sebagai Orang Besar Besut dan diberi hak ke atas Pulau Ru.

Setelah Encik Latif meninggal dunia, anaknya Che Ali mengambil alih kepimpinan ayahnya. Kampung Palembang, Besut semakin pesat di bawah pemerintahannya. Aktiviti sosial masyarakat bukat setakat tertumpu kepada menanam padi dan nelayan, bahkan turut melibatkan perniagaan dan perdagangan. Palembang dijadikan hentian perdagangan dan tempat perlabuhan pedagang-pedagang yang datang antara Pattani, Kedah, Kuala Terengganu dan Pahang. Di antara barang dagangan yang diniagakan ialah hasil-hasil hutan di Hulu Besut seperti beras, rotan, dammar, buluh, kayu gaharu dan getah. Hasil laut seperti ikan

¹⁵ Ada buku yang mengatakan nama anak Cik Latif ialah Che Ali, lihat Mat Hussin Bin Dollah (1989), "Besut Dari Perspektif Sosio-Politik 1700-1900" *PESAKA I*, Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu, h.71

kering, udang kering, belacan dan kelapa.¹⁶ Dari sini boleh disimpulkan, Besut dibuka lebih kurang abad ke-18.

Menurut suatu pendapat lain, nama asal Besut ialah dari perkataan Siam, iaitu 'Be' bererti daerah, dan 'Sut' memberi gambaran satu kawasan yang paling jauh atau berada di hujung kawasan sekali. Ini berkemungkinan merujuk kepada jarak antara pusat pemerintahan Siam di Bangkok dengan daerah Besut.¹⁷

Dari segi struktur geografinya, Besut adalah salah sebuah daerah di Terengganu¹⁸. Daerah Besut terletak bersempadan antara Terengganu dan Kelantan. Kampung yang menjadi perantaraan sempadannya ialah Kampung Laklok di Besut Terengganu dan Kampung Bukit Yong di Pasir Puteh. Luasnya 878.2 batu persegi atau 123,367.8 hektar iaitu meliputi 9.52% keluasan Terengganu, dan mempunyai penduduk lebih kurang 122,021 orang (mengikut bancian 2001).¹⁹

Jika dilihat dari segi jantina, di Besut jumlah nisbah penduduk lelaki adalah 98.4 lelaki bagi setiap 100 penduduk perempuan. Dari segi usia, kumpulan umur 0-14 sebanyak 43.2 peratus, penduduk dalam lingkungan umur 15-64 tahun

¹⁶ Ahmad Said (1983), "Sejarah Besut Sehingga Perang Dunia Kedua, Malaysia Dari Segi Sejarah, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*, Bil. 12, hh. 39.

¹⁷ Gema Data, Bil.5 Julai – September 1993, h.16.

¹⁸ Terengganu mempunyai beberapa buah daerah iaitu Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Ulu Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman.

¹⁹ Laporan Ekonomi Negeri Terengganu 2001/2002, h.5.

pula sebanyak 53.1 peratus dan 0.3 peratus bagi golongan yang berumur lebih dari 65 tahun. Kumpulan umur yang bersekolah ialah 36,356 orang.²⁰

Kebanyakan penghuni di Besut berketurunan Melayu iaitu hampir 95% dan yang selebihnya adalah dari kaum Cina, India, Siam dan Pakistan. Sumber pendapatan utama masyarakat di Besut ialah perikanan dan pertanian. Di samping itu juga kegiatan perniagaan turut menyumbang kepada pendapatan penduduk dan ekonomi setempat.²¹

Dari segi pertuturan, penduduknya bertutur di dalam loghat Kelantan. Ini kerana ia berhampiran dengan negeri Kelantan dan sesetengah penduduk berasal dari Kelantan. Ini membuatkan Besut mempunyai kelainan dengan daerah-daerah lain di Terengganu.

Di Besut, terdapat dua buah bandar yang menjadi tumpuan dan juga Pusat Daerah utama iaitu Kampung Raja dan Jerteh. Di samping itu juga ada beberapa pusat tumpuan penting seperti Kuala Besut,²² Pasir Akar, Bukit Payong, Kampung Renek, Jabi, Apal dan Tembila dikategorikan sebagai Pusat Kecil Daerah.

²⁰ Rancangan Struktur Majlis Daerah Besut Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Besut 1991-2010, h.A1-8.

²¹ Buku Cenderamata, Pesaka Rakyat, Besut Terengganu. Upacara Pembukaan Rasmi Pesta Rakyat Besut, lhb. Ogos 1976.

²² Kuala Besut terletak di utara Besut dan paling berhampiran dengan Laut China Selatan, Kampung Raja pula terletak di tengah-tengah antara Bandar Jerteh dan Kuala Besut, manakala Jerteh berada di pusat Daerah Besut.

1.2 Pendidikan Islam Di Besut

Mengenai kedatangan Islam ke Besut, tiada tarikh khusus yang menyebut bila Islam bertapak di Besut. Mengikut pengkajian penulis, penulis beranggapan bahawa pembukaan Kampung Palembang, Besut oleh Encik Latif adalah merupakan titik tolak Islam bertapak di Besut. Ini kerana penulis beranggapan bahawa orang pangan atau sakai iaitu penghuni asal Besut adalah komuniti yang tiada agama.

Oleh kerana daerah Besut terletak antara negeri Terengganu dan Kelantan, penulis merasakan sejarah kedatangan Islam di Besut bermula sejak kehadiran Islam di negeri Terengganu dan Kelantan. Bukti kedatangan Islam di Terengganu, dengan terjumpanya Batu Bersurat oleh Sayed Hussein b. Ghulam al-Bukhari di Kuala Berang, Terengganu.²³ Batu bersurat tersebut ditulis dengan tulisan jawi, dan antara yang tertera di batu tersebut ialah tentang pemerintahan Seri Paduka Tuan atau Raja Mandalika yang memerintah segala raja daerah, mengisytiharkan Islam ialah agama rasmi. Berpandu kepada tarikh yang ada di batu bersurat itu, iaitu Jumaat, 4 Rejab 702H, bersamaan 22 Februari 1303M, negeri Terengganu pada masa itu mempunyai 5 daerah yang diketuai oleh Raja Daerah atau Ketua Jajahan yang dibawah satu pemerintahan. Daerah-daerah itu ialah Ulu Terengganu, Kuala Terengganu, Dungun, Kemaman dan Besut.²⁴

²³ Syed Muhammad Naquibal-Attas (Prof) (1984) *The Correct Date of Terengganu Inspiration*. Kuala Lumpur: Museum Department, State of Malaya, h.1. Lihat juga, N.Cf Sheppard M.B.E.E: *A Short History of Terengganu*. JMBRASS. Vol. Xxi part 3, June 1949, h.3

²⁴ Hj. Muhammad Salleh bin Haji Awang (1978) *Terengganu: Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1918M (1337H)*, Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributor, h.26-27

Dengan penemuan Batu Bersurat ini, menggambarkan bahawa adanya pemerintahan lain yang diteraju oleh Raja Mandalika di Terengganu sebelum Kesultanan Terengganu yang pertama iaitu Sultan Abdul Jalil Riayat Syah (1699M). Selain daripada itu, Batu Bersurat ini juga membuktikan bahawa Terengganu adalah negeri yang paling awal dan tertua menerima Islam sebelum Melaka.²⁵

Perkembangan Islam di Besut juga mula dilihat apabila Besut dijadikan salah sebuah kawasan naungan Sultan Terengganu iaitu Sultan Zainal Abidin I, yang merupakan salah seorang penganut Islam dan amat berminat dalam ilmu Islam. Oleh sebab itu, pendidikan Islam sudah berkembang pesat pada masa itu dan di bawah pengawasan baginda juga, institusi pendidikan Islam lahir di Kuala Terengganu.²⁶

Manakala institusi pendidikan Islam mula diperkenal di Besut berikutan dengan ramai pedagang-pedagang dari Patani datang ke Besut untuk urusan perniagaan. Di samping berdagang mereka turut menyebarkan agama Islam dan mengajar di surau-surau di Besut. Pada ketika itu ianya lebih dikenali sebagai pengajian pondok. Pengajian pondok mula diasaskan di Besut oleh Tuan Guru Haji Hassan al-Fatani yang berasal dari Pattani.²⁷ Pengajarannya adalah mengenai

²⁵ *Ibid*, h. 19

²⁶ Institusi pendidikan Islam Tuk Pulau Manis iaitu institusi yang diasaskan oleh Syeikh Abdul Malik bin Abdullah lahir pada zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I. Tuk Pulau Manis merupakan ulama istana pada masa itu. Sila lihat, Shafie bin Abu Bakar (1989), "Perkembangan Keilmuan Dan Kesedaran Keislaman Di Terengganu". *PESAKA V*, h. 12

²⁷ Mat Hussin bin Dolah (1984/85), *Institusi Pengajian Pondok Di Besut Terengganu*, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Persuratan Melayu), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 70-75

agama Islam dan al-Quran. Sistem pengajian ini bermula di surau-surau dan masjid-masjid di sekitar Kampung Palembang dan Kampung Raja.

Kejayaan Tuan Guru Haji Hassan ini bukan setakat diterima baik oleh masyarakat kampung, bahkan di sambut baik oleh Raja Besut ketika itu sehinggakan beliau dilantik sebagai Imam Masjid Raja.²⁸

Pengajian agama Islam ini amat dipandang berat oleh masyarakat setempat dan ini merupakan asas pembelajaran yang paling asas.

Dinamakan pengajian pondok adalah kerana penuntut-penuntut yang belajar di situ mendirikan bangsal kecil saiznya untuk kegunaan individu dan seorang teman yang lain. Pondok tempat tinggal ini banyak jumlahnya lebih kurang setengah daripada jumlah pelajar yang menuntut di sana. Kebiasaannya tiada apa-apa bayaran dikenakan sekadar berkhidmat kepada guru-guru mereka sahaja seperti mengangkat air ke rumah guru, membersihkan halaman rumah guru, menggali telaga untuk kegunaan bersama dan sebagainya.²⁹

Segala pengajian diadakan di surau-surau atau masjid yang kebiasaannya adalah milik Tuan Guru. Penuntut hanya duduk bersila mengelilingi guru dan kebanyakannya semua pelajaran lebih berbentuk hafalan.

²⁸ Muhammad Abu Bakar (1991), *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution, h.68

²⁹ Keterangan perihal suasana di pondok, penulis mendapatinya daripada temubual dengan Ustaz Wan Hassan bin Ahmad, merupakan salah seorang penuntut pondok Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif di Jerneh pada 18 Ogos 2001.

Dengan tertubuhnya pondok-pondok pengajian ini, kesedaran tentang ilmu terus meningkat di kalangan penduduk setempat mahupun dari luar daerah. Pengajian cara pondok ini adalah yang paling sesuai ketika itu.

Sistem pendidikan pondok di Besut merupakan suatu tradisi pengajian pondok yang agak kukuh dan stabil berbanding daerah-daerah lain di Terengganu kecuali Kuala Terengganu. Kelebihan Besut yang mempunyai kaitan perdagangan dengan Patani, menjadikan Besut dikenali dengan sistem pengajian pondoknya, yang mana ramai penuntut yang datang belajar ke Besut berasal dari negeri berdekatan seperti Kelantan, Pahang, Patani dan dari daerah-daerah lain di Terengganu.

Penuntut-penuntut yang belajar di pondok-pondok tersebut bukan sahaja dari kalangan kaum petani malahan di kalangan istana turut mengambil peluang belajar . Bahkan tuan guru yang mengajar di pondok tersebut disanjung dan dipandang mulia oleh pihak istana. Ini jelas terbukti semasa Tuan Guru Haji Hussein, di Kampung Lampu (murid Tuan Guru Haji Hassan Al Fatani) yang mana beliau turut diperlukan dalam membuat sebarang keputusan di istana dan turut diminta pandangan dan nasihat dari istana.³⁰

Oleh kerana pendidikan Islam, amat berkait rapat dengan institusi-institusi pendidikan, maka di dalam disertasi ini, penulis turut menyenarai dan

³⁰ Muhammad Abu Bakar, (1991) *Ulama Terenggamu Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd. Lihat Mahmud Mamat, *Ulama Pondok dan Pendidikan Islam Di Besut*, h.64

menerangkan institusi-institusi pendidikan Islam yang terdapat di Besut pada tahun 1872-1937.

Di dalam disertasi ini, penulis hanya menumpukan kepada enam buah institusi pengajian pondok yang ditubuh sekitar tahun 1872 – 1937.

Enam buah institusi pendidikan Islam yang masyhur tersebut ialah:

1. Pondok Tuan Guru Haji Hassan Al-Fatani. Surau Kampung Gong Surau Besut. Meninggal pada 1910M.
2. Pondok Tuan Guru Haji Hussein bin Muhammad Amin. Pondok Kampung Lampu, dibuka pada tahun 1905 hingga 1917M.
3. Tuan Guru Haji Muhammad bin Haji Hussein. Pondok Kuala Besut. Dibuka pada 1918 hingga 1930M.
4. Tuan Guru Haji Umar. Pondok Kampung Raja, dibuka tahun 1919 hingga 1941M.
5. Tuan Guru Haji Abas bin Haji Muhammad. Pondok Bukit Puteri, dibuka tahun 1935M.
6. Tuan Guru Haji Wan Abdul Latif bin Wan Abdul Kadir. Pondok Jerneh, dibuka pada 1935 hingga 1957M.

Penulis memilih enam buah pondok di atas, kerana ia memberi sumbangan yang besar di dalam perkembangan pendidikan Islam di Daerah Besut sama ada dari kepentingan sejarahnya dan juga sumbangan dalam melahirkan generasi pendidik.

2. PENGERTIAN TAJUK

Sebelum penulis membentangkan dengan lebih lanjut hasil kajian mengenai disertasi ini, penulis akan menyenaraikan pengertian tajuk disertasi ini bagi memudahkan lagi memahaminya. Tajuk disertasi ini ialah, **Peranan Pendidikan Islam Dalam Melelahirkan Para Pendidik: Suatu Kajian Khusus Di Daerah Besut Pada Tahun 1872-1937.**

Dalam mengulas pengertian tajuk ini, penulis memilih perkataan 'pendidikan' yang menjadi asas utama dalam membincangkan tajuk disertasi ini. Daripada perkataan pendidikan tersebutlah, maka penulis turut menghuraikan erti pendidikan Islam dan juga pendidik.

Sehubungan daripada itu, penulis telah mengenalpasti bahawa konsep pendidikan Islam tidak dapat dipisahkan dengan institusi pendidikan. Oleh kerana itu, penulis turut menghuraikan erti 'institusi' bagi menjelaskan data-data dan maklumat dalam disertasi ini.

Pendidikan berasal dari kata asal 'didik'. Didik bererti pelihara, jaga, ajar. Didikan memberi erti kaedah mendidik. Manakala pendidikan bererti perihal mendidik, suatu ilmu atau latihan atau ajaran.³¹

Dalam bahasa Inggeris pula 'pendidikan' diterjemah sebagai 'education'. Perkataan asalnya adalah 'educate' yang membawa erti memberi tunjuk arah atau pedoman ke arah menjadi seseorang berintelektual, bermoral dan

³¹ Hajah Noresah bt. Baharom (2000), *op.cit.*, h.303

bukunya Sosiologi, institusi merupakan pola-pola perlakuan serta tingkah laku sesuatu kelompok masyarakat yang telah dipersetujui oleh norma-norma kehidupan dan sentimen setempat yang dibangunkan berasaskan kehendak masyarakat.³⁴

Institusi sosial ini merupakan suatu sistem yang menunjukkan peranan dan fungsi sosial dan norma sosial saling berkaitan dan telah disusun untuk memenuhi kehendak fungsi sosial. Konsep institusi sosial ini menggambarkan sesuatu yang telah terasas di dalam masyarakat. Contohnya institusi agama, institusi politik, institusi ekonomi, institusi pendidikan dan institusi perkahwinan dan kekeluargaan.³⁵

Di dalam disertasi ini penulis menumpukan kepada institusi pendidikan yang memberi maksud suatu institusi pembelajaran seperti sekolah yang berperanan dalam menghasilkan generasi baru yang mempunyai ciri-ciri keIslaman dan cintakan ilmu pengetahuan. Pada masa yang sama berupaya melahirkan lagi generasi pendidik dalam usaha menyambung dunia pendidikan Islam.

Kesimpulan daripada definisi-definisi tajuk tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa, penulis mengkaji peranan atau tugas pendidikan yang berorientasikan

³⁴ Donald Light, Jr & Suzanne Keller (1979), *Sociology*, 2nd. (ed), New York: Alfred A. Knoph h. 61

³⁵ Rohana Yusof (2001), *Asas Sains Sosial Dari Perspektif Sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 151

berkomunikasi dengan jaya terutama semenjak dari kecil lagi. Manakala 'education' pula dimaksudkan dengan perilaku atau proses pengajaran yang bersistematis. Turut diberi maknanya juga, proses perkembangan mental seseorang individu yang melalui pelbagai peringkat.³²

Dalam bahasa Arab, pendidikan ialah *Tarbiyah*. Kalimah *tarbiyah* yang berasal dari *Rabba Yurabbi Tarbiyatan* yang membawa erti yang sangat luas dan mencakupi segalanya iaitu membina pendidikan manusia sama ada dalam pembentukan jasmani, intelektual dan rohani.

Apabila pendidikan dikaitkan dengan Islam, maka penulis turut mendefinisikan juga makna Islam. Mengikut pengertian kamus, Islam ialah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Perkataan Islam berasal dari perkataan Arab iaitu (سلم) '*salama*' yang memberi erti sejahtera atau selamat.

Oleh itu, pendidikan Islam ialah perihal mendidik seseorang dengan ilmu pengetahuan dalam mencapai kesejahteraan dalam segenap aspek agar individu memperoleh didikan yang sempurna sama ada intelektual, rohani dan jasmani.

Institusi memberi erti badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk sesuatu tujuan tertentu seperti universiti atau maktab.³³ Mengikut pengertian ahli sosiologi, institusi membawa erti yang berlainan. Menurut Donald Light, Jr dalam

³² H.W. Fowler, F.G. Fowler, (1990). *The Concise Oxford Dictionary of Current English*, BCA Oxford University Press, h. 373.

³³ Noresah bt. Baharom, et.al (2000), *Kamus Dewan*, 3rd ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.494

Islam yang wujud sekitar tahun 1872-1937M, dalam melahirkan generasi pendidik. Penulis juga perlu menjelaskan bahawa maksud sebenar institusi pendidikan kajian penulis ialah lebih tertumpu kepada sekolah-sekolah atau lebih dikenali sebagai pondok yang lahir pada tahun-tahun kajian penulis. Institusi-institusi berkenaan bertanggungjawab mendidik atau memberi didikan kepada masyarakat di daerah Besut dalam melahirkan lebih ramai pendidik yang

menyumbang tenaga dan menyambung kewujudan institusi pendidikan Islam dalam memberi ilmu pengetahuan terutama ilmu tentang agama Islam.

Kajian yang dilakukan oleh penulis dilakukan di sekitar daerah Besut pada tahun antara tahun 1872 Masihi hingga tahun 1937 Masihi. Pemilihan tahun-tahun tersebut kerana penulis berpendapat bahawa sejarah penubuhan institusi pendidikan Islam di Besut, bertitik tolak pada tahun-tahun tersebut. Oleh itu, penulis berminat untuk mengkaji sejauh manakah keberkesanan institusi pendidikan tersebut dalam melahirkan generasi pendidik seterusnya dalam usaha mengekalkan institusi pendidikan Islam di Besut, Terengganu.

3. Perumusan Masalah

- i. Daerah Besut merupa satu daerah di bawah naungan kerajaan Terengganu. Sejarar dengan negeri Terengganu yang merupakan negeri yang tertua menerima agama Islam di Semenanjung Malaysia, kita perlu ketahui bagaimanakah pendidikan Islam sampai ke Daerah Besut?

- ii. Siapakah yang bertanggungjawab membina institusi-institusi pendidikan Islam di Besut pada tahun-tahun tersebut dan apakah metode yang digunakan?
- iii. Bersesuaian dengan kedudukan Besut menjadi tempat persinggahan pedagang-pedagang dari Pattani dan Pahang, tumpuan pendakwah dan pengajar agama Islam datang ke Besut untuk mencurahkan ilmu di sini. Oleh itu perlu dikaji juga, berapakah institusi pendidikan Islam yang ada pada sekitar tahun 1872 Masihi hingga 1937 Masihi?
- iv. Kehadiran pendidik-pendidik sudi mengajar dan membuka institusi pendidikan di Besut, membolehkan masyarakat setempat mendapat pendidikan Islam secara mendalam. Oleh itu perlu dikaji juga, bagaimanakah sistem pendidikan yang dijalankan di institusi-institusi terbabit pada masa itu dan adakah ianya dapat melahirkan generasi pendidik?
- v. Berpandukan kepada sistem dan corak pendidikan Islam yang sebenar iaitu yang dipelopori oleh Rasulullah s.a.w, penulis juga mengkaji tentang metode pengajaran macam manakah yang dipraktik oleh institusi terbabit dalam memastikan masyarakat dapat menguasai ilmu pengetahuan?
- vi. Dalam usaha menentukan adakah institusi-institusi kajian penulis memenuhi sistem pendidikan Islam yang sebenar, penulis turut menganalisa adakah sistem pendidikan yang diamalkan oleh institusi-

institusi terbabit sama atau berbeza dengan sistem pendidikan Islam di zaman Rasulullah s.a.w, Khulafā Al-Rāsyidīn, Umaiyyah, Abasiyyah dan seterusnya?

4. BATASAN KAJIAN

Kajian disertasi ini berkisar tentang pendidikan Islam dan institusi-institusi pendidikan Islam yang terdapat di Daerah Besut yang diasas dan dibuka pada tahun-tahun antara 1872M –1937M. Tugas kajian lebih tertumpu dalam mengkaji tulisan-tulisan yang ditulis oleh pengkaji terdahulu sama ada khusus dalam kajian institusi pondok di Besut atau sejarah pendidikan Islam di Daerah Besut.

Penulis juga turut mengkaji sejarah pendidikan Islam terdahulu iaitu bermula di zaman Rasulullah s.a.w lagi dan zaman-zaman selepasnya. Turut dikaji juga permulaan sistem pendidikan Islam di tiap-tiap zaman berikut. Rentetan daripada itu, penulis juga mengkaji peranan institusi pendidikan Islam dalam perkembangan dunia keilmuan.

Pengkajian turut dilakukan ke atas institusi-institusi pendidikan yang terdapat di tahun-tahun kajian tersebut, seterusnya penulis mengkaji peranannya dalam melahirkan para pendidik sama ada sebagai pelapis bagi institusi berkenaan atau membuka institusi pendidikan lain. Semua kajian ini dilakukan di sekitar Daerah Besut Terengganu pada tahun 1872M hingga 1937M.

Perbandingan juga turut dibuat terhadap sistem yang diamalkan oleh semua institusi terbabit, bagi mencari persamaan atau perbezaan peranan dengan sistem pendidikan Islam yang sebenar.

Penulis lebih banyak menumpukan kepada institusi-institusi pendidikan Islam di tahun-tahun kajian, institusi pendidikan Islam yang terhasil dari pelajar institusi terbabit dan membandingkan di antara institusi-institusi pendidikan berkenaan.

5. OBEJEKTIF KAJIAN

- i. Oleh kerana disertasi ini berkisar tentang sejarah pendidikan Islam di daerah Besut, penulis dapat mengetahui cara dan sistem pendidikan Islam pada tahun-tahun kajian dan membandingkan dengan sistem pendidikan Islam yang sebenar.
- ii. Setelah menyenaraikan institusi-institusi terbabit, penulis dapat mengenalpasti para pendidik yang terhasil dari daripada institusi pendidikan tersebut.
- iii. Turut dapat mengenalpasti institusi yang menjadikan institusi pendidikan Islam pada tahun-tahun kajian sebagai contoh untuk digunapakai pada waktu sekarang.

- iv. Dalam usaha menentukan sistem dan corak pendidikan yang diamalkan pada tahun kajian penulis bertepatan dengan sistem Islam yang sebenar, penulis dapat membandingkan sistem pendidikan Islam yang asal iaitu sistem pendidikan Islam di zaman Rasulullah s.a.w, Khulafā Al-Rāsyidīn, Kerajaan Umayyiah, Kerajaan Abasiyyah dan seterusnya.

6. KEPENTINGAN KAJIAN

- i. Dapat memberi maklumat tentang sistem pendidikan Islam terdahulu terutama pada masa Rasulullah s.a.w dan selepasnya, serta sistem pendidikan Islam yang diamalkan pada tahun-tahun kajian.
- ii. Dapat mengenal pasti institusi-institusi pendidikan Islam di Daerah Besut terutama sekitar tahun-tahun kajian penulis, serta dapat menilai keberkesanan sistem yang diamalkan oleh institusi terbabit dalam melahirkan generasi pendidik.
- iii. Dapat membuat perbandingan antara institusi-institusi pendidikan Islam di tahun-tahun kajian, dengan institusi-institusi di zaman sejarah Islam dan institusi pendidikan Islam yang ada sekarang (institusi yang dibina dari hasil didikan institusi terdahulu)

7. METODOLOGI KAJIAN

Perkataan metodologi terbahagi kepada dua perkataan iaitu 'metod' dan 'logi'. Perkataan metod berasal dari perkataan yunani iaitu methodos yang membawa erti jalan atau cara. Atau boleh dikatakan ialah cara dalam meleraikan sesuatu masalah atau persoalan dalam memahami sesuatu objek yang menjadi sasaran atau punca ilmu. Manakala 'logi' berasal dari perkataan 'logos' yang bererti ilmu tentang sesuatu. Dengan itu dapat difahamkan, metodologi ialah ilmu yang membicarakan tentang cara-cara atau kaedah-kaedah tertentu yang bersistematik dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan atau hipotesis tertentu.³⁶

Suatu kaedah atau metode ditentukan dengan meneliti kesesuaian dengan pemilihan objek studi atau objek dalam sesuatu penyelidikan. Boleh juga difahamkan bahawa objek yang bertanggungjawab menentukan kaedah apa yang perlu digunakan dalam sesuatu ujian atau penyelidikan.

Dalam disertasi ini, penulis menggunakan dua metode utama dalam usaha mengkaji, menyusun dan merumuskan masalah. Metod tersebut ialah, **Metode pengumpulan data**. Metod ini digunakan untuk memperolehi dan mengumpul fakta-fakta serta maklumat untuk tujuan penyelidikan. Dalam usaha mengumpul data ini, penulis telah menggunakan metod-metod berikut iaitu metod pengumpulan data.

³⁶ Koentjaraningrat (1991), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, h. 7.

Dalam menyiapkan disertasi ini, penulis menggunakan **metode penyelidikan perpustakaan**. Dengan ini melibatkan kajian yang dijalankan di perpustakaan iaitu tempat terdapatnya data-data dan fakta di dalam buku, jurnal, keratin akhbar dan sebagainya. Metode ini banyak sekali digunakan penulis dalam mencari data-data tentang sejarah institusi pendidikan, sistem dan peranannya dalam pendidikan Islam. Kaedah persejarahan ini amat penting kerana membolehkan penulis mencari data sebenar tentang sistem dan pendidikan Islam yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w dan zaman selepasnya, bagi membolehkan penulis membuat perbandingan.

Dalam proses pengumpulan data, metode kajian perpustakaan merupakan metode utama dalam pengumpulan data. Ini bersesuaian dengan kajian sejarah pengembangan institusi tersebut.

Selain daripada itu, penulis juga menggunakan **metode temubual** dalam usaha mencari data. Metode ini diberi penekanan semasa penulis mencari identiti-identiti yang terlibat secara langsung atau tidak dalam institusi-institusi pondok di tahun kajian penulis. Temubual juga dilakukan terhadap pelajar-pelajar hasil didikan institusi pendidikan Islam kajian penulis.

Metode analisis data dilakukan penulis pada akhir kajian bagi mencari persamaan dan perbezaan dalam sistem pendidikan Islam yang dipraktikkan oleh institusi pendidikan Islam terdahulu dengan sistem dan peranan institusi pendidikan Islam kajian penulis. Dalam hal ini **metode komparatif** digunakan penulis dalam mendapat perbezaan dan persamaan.

8. SISTEMATIKA PENULISAN

Bab satu, adalah bab pendahuluan yang berkaitan dengan latar belakang masalah kajian penulis. Di bab ini, penulis memaparkan sejarah awal Besut beserta struktur geografi, kegiatan ekonomi dan sosial. Turut dimuatkan di dalam bab satu ini ialah sejarah penubuhan Institusi Pendidikan Islam Di Besut dan menyenaraikan institusi-institusi berkenaan. Selain itu, pengertian tajuk serta perumusan masalah turut dinyatakan. Objektif kajian dan kepentingan kajian juga turut dipaparkan dalam memberi gambaran awal penulis tentang tujuan penulis membuat kajian ini. Batasan kajian, serta kajian lepas turut dinyatakan. Seterusnya penulis menyenaraikan metode-metode atau kaedah-kaedah yang digunakan penulis dalam kajian ini.

Di dalam **bab dua**, ialah landasan teori. Bab ini menerangkan apa sebenarnya pendidikan Islam yang telah digaris dan disandarkan kepada Rasulullah, sahabat dan zaman selepasnya. Turut dipaparkan tentang sejarah institusi pendidikan Islam bermula dari zaman Rasulullah s.a.w dan sahabat serta selepasnya. Di dalam bab dua ini juga penulis menyenaraikan fungsi, peranan dan sistem-sistem yang dipraktikkan oleh institusi-institusi berkenaan terhadap dunia pendidikan Islam.

Seterusnya di dalam **bab tiga**, penulis menyenaraikan metodologi penyelidikan penulis. Penulis banyak menggunakan metode perpustakaan dan kajian lapangan dengan menemubual responden dalam usaha mencari dan mengumpul data. Metode perbandingan juga digunakan dalam usaha mencari

persamaan dan perbezaan pendidikan Islam kajian penulis, dengan pendidikan Islam terdahulu.

Di dalam **bab empat**, penulis memaparkan laporan penyelidikan penulis dengan menyenaraikan latar belakang institusi pendidikan Islam yang wujud di tahun-tahun kajian penulis. Turut dinyatakan juga sistem dan peranan institusi-institusi berkenaan terhadap pendidikan Islam. Di dalam bab ini juga penulis turut mengenengahkan para pendidik yang terhasil daripada institusi-institusi pendidikan Islam kajian penulis. Selain daripada itu, penulis juga mengenengahkan sebuah institusi pendidikan Islam yang terhasil daripada usaha bekas pelajar-pelajar institusi pendidikan Islam kajian penulis yang ada sekarang ini. Dalam menganalisi data, penulis membandingkan sistem dan peranan antara institusi pendidikan Islam yang terdahulu dengan institusi pendidikan Islam kajian penulis. Ditambah lagi perbandingan juga dibuat dengan institusi pendidikan Islam yang dibina oleh bekas penuntut institusi berkenaan.

Dalam bab **lima** iaitu bab akhir ialah kesimpulan serta saranan penulis yang bersangkutan dengan kajian penulis. Penulis juga mengemukakan cadangan dan juga cadangan kajian lanjut yang boleh dimanfaatkan bersama. Seterusnya penutup.